

10/03/1999

Litar Sepang F-1 terbaik di dunia

KUALA LUMPUR, Selasa - Litar Lumba Formula 1 Sepang (Litar Sepang F-1) yang dirasmikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini, disifatkan yang terbaik di dunia.

Perkara itu diakui juara Formula 1, Mika Hakkinen dan juara Grand Prix Australia, Eddie Irvine.

Hakkinen yang mula memasuki perlumbaan F-1 pada 1991 dan sudah menyertai 113 Grand Prix, berkata litar berharga RM286 juta itu adalah satu trek yang baik dan menyeronokkan.

"Ia adalah satu litar yang sukar untuk memandu ... dengan laju sekali, ada selekoh yang memerlukan kepakaran yang baik dan kereta yang baik.

"Saya sukakannya. Ia adalah satu kerja yang baik," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Perdana Menteri selama 30 minit di Jabatan Perdana Menteri (JPM) di sini, hari ini.

Rakyat Finland berusia 30 tahun itu hari ini memandu di litar berkenaan dengan kereta jenis Mercedes Benz SLK. Irvine - pelumba pasukan Ferrari, yang menjuarai Grand Prix Australia Ahad lalu, turut menguji litar berkenaan.

Menurut Hakkinen, rakyat Malaysia patut bangga dengan litar itu yang akan menjadi tuan rumah kejohanan Formula 1 pada 17 Oktober depan, yang pertama diadakan di Malaysia.

Irvine pula berkata, litar berkenaan begitu selamat untuk menganjurkan perlumbaan pada Oktober nanti.

"Saya tidak nampak masalah terhadap litar ini. Litar Sepang menawarkan sesuatu yang berbeza apabila pemandu F-1 berada di sini.

"Ia begitu lebar dan lengkap dengan selekoh yang boleh menjamin perlumbaan menarik. Saya fikir pemandu lain tidak memerlukan masa terlalu lama untuk menyesuaikan diri dengan litar ini," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir ketika merasmikan litar berkenaan, berkata pihak yang selama ini mempersoalkan projek itu perlu akur bahawa Malaysia meraih banyak faedah, peluang dan kemudahan menerusi program berkenaan.

Menurutnya, Litar Sepang F-1 turut menyokong industri automobil negara, khususnya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D).

"Litar Sepang F-1 menjadi tambahan kepada pembangunan pesat negara. Kini kita memiliki Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Cyberjaya, Putrajaya dan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai daya tarikan kepada Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, kejayaan pembinaan litar berkenaan juga adalah satu lagi contoh kemampuan Malaysia menyediakan kemudahan sukan bertaraf dunia.

Sambil menyifatkan Malaysia sekali lagi mencipta sejarah, beliau berkata, negara kini mencapai tahap dunia dalam pembinaan litar lumba sepanjang 5.542 kilometer itu.

"Penganjuran berprestij perlumbaan F1 pada Oktober ini sekali lagi memberi peluang kepada kita membuktikan keupayaan menganjurkan sukan bertaraf dunia.

"Kita sudah menganjurkan beberapa program sukan bertaraf dunia dengan kemuncak kejayaan menganjurkan Kuala Lumpur 98 - Sukan Komanwel XVI (KL'98) tahun lalu," katanya.

Hadir sama pada majlis itu, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Dr Mahathir berkata, pembinaan litar ini dibuat dalam masa 15 bulan dan

ini adalah rekod yang seharusnya menjadi kebanggaan rakyat negara ini.

"Rakyat Malaysia bermimpi memiliki Litar F-1. Mereka tidak hanya tidur dan bermimpi, sebaliknya mereka merancang dan melaksana seperti perundingan membawa perlumbaan F-1 di negara ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, bidang pelancongan adalah satu lagi faktor yang perlu diambil kira apabila dua bilion penonton dari 200 negara menyaksikan perlumbaan F-1 Oktober ini.

Menurutnya, pulangan daripada jumlah penonton yang menyaksikan perlumbaan itu sudah pasti besar berbanding iklan televisyen yang seharusnya dibayar jika setiap satu minit siaran didarabkan dengan 90.

"Dengan jumlah dua bilion penonton yang menyaksikan perlumbaan itu menerusi siaran langsung, jumlah mereka yang ingin melancong ke negara ini tentunya besar.

"Ini tentunya akan menyemarakkan lagi industri pelancongan negara. Saya difahamkan hotel di kawasan berhampiran dan di ibu kota sudah ditempah bagi perlumbaan Oktober ini," katanya.

(END)